

09 OCT 2000

Khalil-Pembangkok

KEMENTERIAN PENERANGAN PERTINGKAT USAHA BERI PENERANGAN

KUCHING, 9 Okt (Bernama) -- Kementerian Penerangan mempertingkatkan usaha memberi penerangan kepada rakyat terutama berkaitan isu semasa berikutan kegiatan pembangkang yang semakin aktif memutar-belitkan fakta.

Menterinya, Tan Sri Khalil Yaakob berkata, sebelum ini rakyat telah memahami apa sebenarnya berlaku hasil tindakan pro-aktif agensi dan jabatan di bawah Kementerian Penerangan namun penjelasan semula terhadap isu semasa terpaksa dipertingkatkan untuk menyangkal tuduhan pembangkang.

Bercakap kepada pemberita selepas pelancaran pameran tiga hari "Keraname Malaysia" anjuran Jabatan Penerangan di sebuah gedung membeli-belah di sini Khalil berkata, pembangkang berminat untuk memutar-belitkan mengenai kemajuan dan corak pentadbiran negara.

Bagi Sarawak, Khalil berkata, jika kegiatan ini tidak dibendung ianya akan membawa kesan serius memandangkan pilihan raya negeri akan diadakan sama ada tahun ini atau tahun depan.

Khalil berkata, pembangkang sanggup melakukan apa sahaja demi mendapat sokongan daripada pengundi dan ini termasuk memutar-belitkan fakta.

Beliau meminta rakyat menapis segala hujah yang diucapkan atau dibentangkan oleh pembangkang dengan melihat sesuatu isu secara keseluruhan.

Beliau berkata, rakyat perlu berfikir dan bertindak secara rasional dan bukannya emosi.

Ketika ditanya sama ada kegiatan ini semakin serius, beliau berkata, usaha ini perlu ditangani secara bersama baik di peringkat kerajaan mahupun di peringkat Barisan Nasional (BN).

Mengenai usaha memburukkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di luar negara, Khalil berkata, usaha penerangan perlu diselaraskan dengan Kementerian Luar bagi menangani masalah itu.

Khalil berkata, langkah paling berkesan ialah kehadiran perdana menteri sendiri di luar negara seperti yang dilakukan sekarang untuk menerangkan keadaan sebenar.

-- BERNAMA

RDY RI